

**Pembayaran Elaun dan Minggu Pengurusan Pelajar Baharu (MPPB)
Kursus Perguruan Lepas Ijazah – Sekolah Rendah (KPLI-SR: Penuh Masa)**

1. Kaedah Bayaran Elaun

- 1.1. Pembayaran elaun pengajian/biasiswahnya dibuat melalui **BANK SIMPANAN NASIONAL (BSN)** sahaja. Para pelajar dikehendaki membuka **Akaun GIRO** dengan bank berkenaan sebelum mendaftar ke institut. Pastikan akaun tersebut masih aktif. Akaun bank lain tidak diterima untuk urusan pembayaran elaun pengajian/biasiswa.
- 1.2. Sila sediakan **dua salinan** fotostat muka surat buku akaun **GIRO BSN** tersebut yang mengandungi nombor akaun, nama dan nombor kad pengenalan pemilik dan hendaklah diserahkan kepada mentor pada masa hari pendaftaran atau kepada Jabatan Hal Ehwal Pelajar selepas hari pendaftaran.
- 1.3. Anda diingatkan bahawa elaun pengajian/biasiswa hanya akan dibayar selepas tiga bulan selepas pendaftaran iaitu selepas Borang Perjanjian Pendidikan Guru/Borang Perjanjian Biasiswa dimeteri oleh pihak pelajar dengan pihak Kerajaan Malaysia/Biasiswa Kementerian Pelajaran Malaysia dan sehingga selesai diproses.

2. Minggu Pengurusan Pelajar Baharu (MPPB)

- 2.1. Minggu Pengurusan Pelajar Baharu akan dilaksanakan pada 18 hingga 22 **Januari 2010** (Isnin - Jumaat)
- 2.2. Sepanjang MPPB aktiviti akan bermula jam 8.00 pagi sehingga 10.30 malam setiap hari (jadual akan dibekalkan pada hari pendaftaran).
- 2.3. Pelajar **KPLI-SR (Penuh Masa)** tidak disediakan tempat tinggal dalam kolej kediaman semasa MPPB dan seterusnya. Pihak institut akan membantu pelajar mendapatkan tempat tinggal di sekitar kampus (kondominium, apartmen, flat, rumah teres) secara sewaan dan perkongsian dengan rakan-rakan. Kos sewaan dianggarkan dalam lingkungan RM750.00 hingga RM1000.00 sebuah/seunit. Pelajar perlu menanggung pembiayaan tersebut dan dinasihatkan menyediakan wang yang mencukupi untuk pembiayaan berkenaan.

2.4. Semua pelajar akan disediakan makan dan minum semasa MPPB. Pelajar dikehendaki Makan / minum seperti yang disediakan dan perlu membayar secara tunai sebanyak RM 15.00 x 1 orang x 5 hari = RM75.00 pada hari pendaftaran.

2.5. Pelajar dikehendaki berpakaian kemas dan sesuai dengan profesion keguruan. Sepanjang mengikuti **MPPB** dan seterusnya semasa menghadiri kuliah para pelajar **wajib** mematuhi etika berpakaian seperti dalam para berikut:

2.5.1. **Semasa Minggu Pendaftaran dan Pengurusan Pelajar Baharu (MPPB):**

Lelaki

- Baju kemeja berlengan panjang (warna **putih** sahaja)
- Seluar panjang berwarna hitam / biru gelap (bukan jenis “jeans”)
- Bertali pinggang hitam / gelap;
- Tali leher
- Kasut kulit hitam bertali dan sarung kaki hitam

Perempuan

- Baju kurung (warna putih sahaja)
- Tudung (warna putih) : pelajar Islam sahaja
- Kain berwarna hitam / biru gelap
- Kasut sarung (cover shoe) berwarna hitam bertumit 1 inci (sandal /capal tidak dibenarkan)

2.5.2. **Semasa kuliah / kelas**

Lelaki

- Pakaian rasmi yang sesuai sebagai penjawat awam/kakitangan kerajaan/guru seperti baju kemeja berlengan panjang/pendek dan berseluar panjang. Seluar “jeans” dan baju - T dilarang sama sekali.
- Tali leher khas institut/ yang sesuai mesti dipakai setiap hari dan dalam apa jua aktiviti institut.
- Pakaian sukan hendaklah dipakai pada masa menjalani aktiviti amali Pendidikan Jasmani dan aktiviti kokurikulum seperti permainan dan olahraga.
- Pakaian batik institut hendaklah dipakai pada setiap hari Khamis dan dalam upacara-upacara rasmi sama ada dalam institut atau di luar institut.
- Pemakaian sut Baju Melayu lengkap bersamping dan bersongkok hitam sangat digalakkan pada setiap hari Jumaat.

Perempuan

- Pakaian rasmi yang sesuai sebagai penjawat awam/kakitangan kerajaan / guru yang tidak mendedahkan sebahagian / mana-mana anggota badan dari bawah paras leher hingga ke paras bawah lutut. Seluar “jeans” dan baju-T dilarang sama sekali.
 - Tudung / mini telekung bagi pelajar perempuan Islam.
 - Pakaian batik institut hendaklah dipakai pada setiap hari Khamis dan dalam upacara-upacara rasmi sama ada dalam institut atau di luar institut.
 - Pakaian sukan yang sesuai dipakai pada masa menjalani aktiviti amali Pendidikan Jasmani dan aktiviti kokurikulum seperti permainan dan olahraga.
 - Tidak digalakkan memakai atau membawa barang kemas / perhiasan diri.
- 2.6. Semua pelajar dikehendaki menyediakan **RM300.00 (tunai) untuk MPPB**. Wang akan dikutip pada hari pendaftaran.

3. Peringatan Penting

- 3.1. **Sekiranya anda sedang mengandung / belum melepasi tempoh 60 hari bersalin / ditimpa kemalangan dan memerlukan tempoh rawatan yang panjang, anda tidak dibenarkan mendaftar dan hendaklah memohon semula.**
- 3.2. **Lapor diri pada tarikh yang telah ditetapkan.**
- 3.3. Anda dinasihatkan supaya membuat **keputusan muktamad** sebelum melapor diri. Jika anda meninggalkan kursus pendidikan perguruan sebelum tamat, anda atau penjamin-penjamin anda akan dikenakan tindakan membayar balik sejumlah wang kepada **KERAJAAN MALAYSIA** seperti mana yang termaktub dalam syarat Borang Perjanjian Pendidikan Guru yang anda tanda tangan.